

TADBIR URUS SYARIAH BAGI PENYELESAIAN ISU-ISU PEMBANGUNAN WAKAF DI MALAYSIA: KAJIAN KES DI BEBERAPA NEGERI TERPILIH

Shariah Governance on Resolutions of Waqf Development Issues in Malaysia: Case Studies in Selected States

**‘Adnin Ibrahim¹
Asmak Ab Rahman²**

ABSTRACT

This paper analyzes the governance implemented to resolve Shariah-related issues in the development of waqf in Malaysia. The study adopts a qualitative research approach employing a collective case study design. Four states were selected as study samples, and semi-structured interviews were conducted with officers from the State Islamic Religious Council (SIRC) or its subsidiaries appointed as mutawallī, officers from the State Mufti Department, as well as Muftis,

¹ PhD Candidate, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia; Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Tapah Campus, 35400 Tapah Road, Perak, Malaysia, adinibrahim@uitm.edu.my

² Corresponding Author. Associate Professor, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, asmak@um.edu.my

Deputy Muftis, or members of the State Fatwa Committee. Thematic analysis is employed to highlight themes related to the governance of resolving Shariah issues in the development of waqf in Malaysia. The findings indicate that the development of waqf in Malaysia is subject to governance at the state rather than federal level. Consequently, in the context of Shariah governance for waqf development, two institutions in each state are involved, namely the waqf institution as mutawallī managing waqf assets and the Fatwa Committee. Additionally, the Fatwa Committee plays an advisory role for the waqf institution in ensuring Shariah compliance of products and waqf development management.

Keywords: *Shariah governance, waqf development, Malaysia*

PENDAHULUAN

Wakaf merupakan sebuah instrumen filantropi Islam yang tertakluk pada prinsip dan undang-undang Syariah. Oleh kerana prinsip dan undang-undang Syariah berkaitan wakaf ini tidak tertakluk pada nas *qat'ī* malah hanya tertakluk pada ijtihad, maka ini menjadikan wakaf merupakan instrumen filantropi Islam yang dinamik.³ Justeru menurut Ammar Khashan, wakaf diklasifikasikan sebagai sebuah sistem yang dibina berasaskan ijtihad yang responsif terhadap keperluan sosial.⁴ Hal ini dibuktikan melalui pelbagai sektor sosio-ekonomi yang dibangunkan menggunakan harta wakaf di seluruh pelusuk dunia Islam sama ada dalam sektor pendidikan, servis kesihatan, pembasmian kemiskinan, keusahawanan, infrastruktur keagamaan serta pelbagai aktiviti lain.⁵ Rentetan pembangunan wakaf yang tertakluk pada ijtihad yang luas, sebuah tadbir urus dalam menyelesaikan isu-isu Syariah yang timbul signifikan dalam memastikan kepatuhan Syariah, atau mengelakkan risiko

³ Muṣṭafā Aḥmad al-Zarqā, *Aḥkām al-Awqāf* ('Ammān: Dār 'Ammār, 1997), 19.

⁴ Ammar Khashan, 'Ijtihad-Based Developments of the Waqf System in Islam and its Re institutionalization in the Contemporary Context: Historical and Theoretical Reflections', *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, vol. 15/1 (2022): 93.

⁵ Fahmi Medias, Asmak Ab Rahman, Akhmad Akbar Susanto & Zulfikar Bagus Pambuko, 'A Systematic Literature Review on The Socio-Economic Roles of Waqf: Evidence from Organization of The Islamic Cooperation (OIC) Countries', *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, vol. 13/1 (2022): 177-193.

tidak patuh Syariah bagi setiap produk dan projek yang ingin dilaksanakan.⁶ Hal ini bagi memastikan kelestarian pembangunan wakaf berasaskan tadbir urus yang sistematik serta rangka kerja kawal selia yang mencukupi.⁷ Selain daripada itu, tadbir urus yang tidak efisien, tidak berstruktur serta mempunyai prosedur yang tidak jelas merupakan antara faktor yang mengekang pembangunan wakaf.⁸

SOROTAN LITERATUR

1. Tadbir Urus Syariah

Oleh kerana operasi pembangunan wakaf tertakluk kepada kepatuhan Syariah,⁹ maka sesuatu pembangunan mestilah menepati tiga ciri wakaf iaitu ia tidak boleh ditarik balik (*irrevocable*), kekal (*perpetuity*) dan

⁶ Rihad Grassa, 'Shariah Supervisory System in Islamic Financial Institutions: New Issues and Challenges: A Comparative Analysis Between Southeast Asia Models and GCC Models', *Humanomics*, vol. 29/4 (2013): 333-348.

⁷ Rusni Hassan & Adnan Yusoff, 'Enhancing Good Governance Practices of Waqf Institutions: Learning from Shariah Governance Framework of Islamic Financial Institutions', *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, vol. 3/2 (2020): 65-76; Nur Azni Mohd Zeni & Noraini Mazuin Sapuan, 'Revitalizing Waqf Governance: A Theoretical Perspectives', *International Journal of Advanced Biotechnology and Research*, vol. 8/3 (2017): 305-311.

⁸ Abd Halim Mohd Noor, Nor Aishah Mohd Ali, Aryani Abdullah & Henny Hazliza Mohd Tahir, 'The Waqf Governance Framework in Malaysia', *International Conference on Development of Social Enterprise and Social Business For Eradication of Extreme Poverty and Street Begging IIUCIC7-2014/IC7*, vol. 160 (2014); Rusni Hassan, Syed Musa Syed Jaafar Alhabshi & Adnan Yusoff, 'Towards Providing The Best Shari'ah Governance Practices for Waqf Based Institutions', *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, Special Issue (2017): 165-185; Saripah Abdul Latif, Nik Muniyati Nik Din & Zaiton Mustapha, 'The Role of Good Waqf Governance in Achieving Sustainable Development', *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, vol. 3/7 (2018): 113-118.

⁹ Rusni Hassan & Syed Ahmad Salman, 'Islamic Accountability and Waqf Towards Achieving Equitable Distribution of Wealth within The Islamic Economic Framework', *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, vol. 1 (2020): 1-11.

tidak boleh dipindah milik (*inalienability*).¹⁰ Tadbir urus Syariah signifikan dalam memastikan operasi pembangunan wakaf selari dengan prinsip yang ditetapkan Syariah. Dalam konteks industri kewangan Islam misalnya, tadbir urus Syariah penting dalam rangka memperkembangkan sistem kewangan sedia ada selain menambah keyakinan pelabur.¹¹ Justeru di Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) mengambil peranan yang proaktif dengan memperkenalkan garis panduan tadbir urus Syariah termasuk Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 dan Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah 2019 yang berperanan menyokong pembangunan amalan tadbir urus Syariah Institusi Kewangan Islam di Malaysia.¹² Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia dan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pula berperanan memastikan kepatuhan Syariah bagi sebarang aktiviti, produk serta proses dan prosedur yang berlaku dalam industri kewangan Islam termasuk aktiviti perbankan Islam, takaful dan pasaran modal Islam.¹³ Namun demikian, sektor pembangunan wakaf di Malaysia masih mempunyai rangka kawal selia yang terhad menjadikan pelbagai isu pengurusan wakaf timbul. Justeru, sektor pembangunan wakaf harus menjadikan industri kewangan Islam sebagai rujukan dengan menyediakan rangka kerja tadbir urus Syariah bagi pembangunan wakaf.¹⁴ Hal ini demikian kerana kerangka tadbir urus wakaf yang baik penting dalam memastikan kelestarian pembangunan wakaf.¹⁵ Oleh itu, kajian ini meneroka tadbir urus Syariah dalam penyelesaian isu-

¹⁰ Abdul Hamid Mar Iman & Mohammad Tahir Sabit, *Waqf Property: Concept, Management, Development and Financing* (Johor Bharu: UTM Press, 2014), 32.

¹¹ Ahmad Alkhamees, 'The Impact of Shari'ah Governance Practices on Shari'ah Compliance in Contemporary Islamic Finance', *Journal of Banking Regulation*, vol. 14 (2013): 134-163.

¹² Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin, Mustafa Hanefah, Zurina Shafii & Supiah Salleh, 'Comparative Analysis on Shariah Governance in Malaysia: SGF 2010, IFSA 2013 and SGPD 2019', *Journal of Public Administration and Governance*, vol. 10/1 (2020): 110-131.

¹³ Lokmanulhakim Hussain, *Ijtihad Jama'i Dalam Penetapan Hukum Syarak: Aplikasi di Malaysia* (Negeri Sembilan: INFAD Universiti Sains Islam Malaysia, 2013), 27-33.

¹⁴ Rusni Hassan & Adnan Yusoff, 'Enhancing Good Governance Practices of Waqf Institutions: Learning From Shariah Governance Framework of Islamic Financial Institutions', 65-76.

¹⁵ Nur Azni Mohd Zeni & Noraini Mazuin Sapuan, 'Revitalizing Waqf Governance: A Theoretical Perspectives', 305-311.

isu pembangunan wakaf di Malaysia lalu menyimpulkan kerangka tadbir urus tersebut.

2. Tadbir Urus Wakaf di Malaysia

Menurut Hidayatul Ihsan dan Abdullah Ayedh, wakaf hendaklah ditadbir urus selari dengan konsep akauntabiliti dan tadbir urus yang baik dalam Islam seperti amanah, keadilan (*'adālah*) dan syura.¹⁶ Rusni Hassan et al. menjelaskan, akauntabiliti dalam menguruskan harta wakaf adalah sangat penting rentetan pemilikan harta wakaf yang beralih menjadi milik Allah setelah diwakafkan. Justeru, institusi wakaf selaku *mutawallī* yang menerima tanggungjawab untuk menguruskan harta wakaf yang diamanahkan oleh pewakaf ini perlu berakauntabiliti dalam memikul tanggungjawab yang besar tersebut.¹⁷


Di Malaysia, urusan hal ehwal agama Islam termasuk hal ehwal wakaf diletakkan di bawah kuasa negeri seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan Senarai Kedua iaitu di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). MAIN ialah sebuah badan yang ditubuhkan di bawah peruntukan Enakmen Pentadbiran Islam setiap negeri yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya yang diluluskan oleh Parlimen. Oleh kerana urusan hal ehwal wakaf yang diberikan kepada negeri, maka terdapat beberapa variasi dalam penyeliaan serta pengurusan wakaf dari satu negeri ke negeri yang lain.¹⁸ Terdapat 14 institusi wakaf di peringkat negeri yang menguruskan harta wakaf di negeri-negeri di Malaysia seperti Rajah 1.

¹⁶ Hidayatul Ihsan & Abdullah Ayedh, 'A Proposed Framework of Islamic Governance for Awqaf', *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, vol. 11/2 (2015): 117-133.

¹⁷ Rusni Hassan, Syed Musa Syed Jaafar Alhabshi & Adnan Yusoff, 'Towards Providing The Best Shari'ah Governance Practices for Waqf Based Institutions', 165-185.

¹⁸ Mohd Faisal Mustaffa, Ahmad Mujaheed Muhammad Kamil, Mohd Ridzuan Khalin, Anisah Bulabita & Yusuf Haji-Othman, 'Pengurusan Wakaf di Malaysia: Peluang & Cabaran Dalam Melestarikan Pembangunan Masyarakat', *International Journal of Contemporary Issues*, vol. 2/1(2022): 114.

Rajah 1: *Mutawallī* Wakaf di Malaysia



Sumber: JAWHAR¹⁹

Secara spesifiknya, harta wakaf di 13 buah institusi wakaf di Malaysia diuruskan oleh Unit Wakaf atau Bahagian Mal masing-masing di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) iaitu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perlis (MAIPs), Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Majlis Uqama Islam Pahang (MUIP), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Majlis Agama Islam Sabah (MUIS), Majlis Islam Sarawak (MIS) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Manakala di negeri Selangor, bermula tahun 2011 Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menubuhkan anak syarikat iaitu Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), lalu semua urusan tadbir perihal wakaf termasuk perihal

¹⁹ JAWHAR, 'Waqf Institution', dikemaskini 23 Mei 2022, <https://www.jawhar.gov.my/en/waqf/waqf-institutions/>, diakses 18 Oktober 2022.

pembangunan harta dan produk wakaf di negeri tersebut dialihkan dari MAIS ke PWS bagi memperkasa pembangunan wakaf di negeri tersebut.²⁰ Selain daripada itu, di Pulau Pinang pengurusan harta wakaf secara komersial diuruskan oleh anak syarikat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Wakaf Pulau Pinang, manakala MAINPP fokus menguruskan pembangunan wakaf sektor sosial sahaja. Selain Wakaf Pulau Pinang, terdapat beberapa MAIN yang menubuhkan anak syarikat dalam rangka memperkasa tadbir urus pembangunan di negeri berkenaan seperti Pusat Wakaf MAIWP di Wilayah Persekutuan, Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan (PBMALNS), Wakaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) dan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS).²¹

Peranan utama MAIN selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf di setiap negeri adalah untuk memastikan wakaf diurus dan ditadbir dengan baik, efisien sehingga dapat menjana hasil yang lumayan yang dapat dimanfaatkan oleh benefisiarinya atau bagi tujuan-tujuan kebajikan, sama ada telah ditentukan atau tidak ditentukan oleh pewakaf. Dalam rangka menjayakan perkara tersebut, MAIN berhak untuk membuat perjanjian, membeli, mengambil, memegang dan memiliki harta sama ada harta alih atau tak alih untuk menukar, memindah, membangun dan melabur segala harta yang terserah milik kepada MAIN mengikut mana-mana peraturan yang tersedia ada menurut hukum Syarak.²²

3. Penyelesaian Isu-isu Syariah Berkaitan Pembangunan Wakaf di Malaysia

Wakaf tertakluk pada prinsip-prinsip Syariah lalu menjadikan keseluruhan urusan berkaitan wakaf merujuk pada undang-undang Islam iaitu Syariah

²⁰ Nurul Azma Abu Bakar, Muhammad Nasri Md. Hussain & Abu Bakar Hamed, 'Scrutinizing The Effects of Restructuring in Perbadanan Wakaf Selangor', *International Journal of Accounting*, vol. 2/4 (2017): 16.

²¹ Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin & Mustafa Mohd Hanefah, 'An Empirical Investigation on Waqf Governance Practices in Waqf Institutions in Malaysia', *Journal of Financial Reporting and Accounting*, vol. 19/3 (2021): 455-473.

²² Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 (Bahagian 3, Seksyen 62 (4)); Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 (Bahagian 5, Seksyen 44); Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005; Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (Bahagian 6); Enakmen Wakaf (Perak) 2015 (Bahagian 6); Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 (Bahagian 2).

selain undang-undang kawal selia negara tertentu.²³ Hal ini demikian kerana institusi wakaf mempunyai hubungan kontrak yang tertinggi dengan Allah menjadikan mereka perlu mematuhi SyariahNya dalam segenap aktiviti dan pembangunan yang dilaksanakan.²⁴ Tambahan pula, aspek pembangunan wakaf tidaklah bersifat mendapatkan keuntungan semata-mata, namun pembangunan mestilah berpegang dengan kepatuhan Syariah dan mendatangkan keuntungan kepada ummah.²⁵

Namun demikian, perincian hukum wakaf semuanya adalah bersifat *ijtihad*.²⁶ Menurut Nidal Alsayed, pengeluaran fatwa dalam bidang muamalat melalui ijtihad perlu mengambil kira *'illah*, *hikmah* dan *maṣlahah* agar sesuai dengan perubahan zaman dan tempat.²⁷ Hal ini turut disokong oleh Achmad Irwan Hamzani, hukum wakaf yang dominan dikeluarkan melalui ijtihad menjadikan hukum wakaf lebih kontekstual, dinamik dan futuristik.²⁸

Di Malaysia, Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFN) merupakan entiti yang berautoriti untuk melaksanakan ijtihad dalam rangka memutuskan sebarang perihal pembangunan wakaf.²⁹ Justeru, sebarang perkara yang melibatkan perihal hukum Syarak dan harta wakaf di Malaysia tidak boleh dikeluarkan kecuali melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri sahaja.³⁰ Namun demikian,

²³ Mohamed Azmi, Ahmad Shazrin, Noor Rosly Hanif & Siti Mashitoh Mahamood, 'A Review of Waqf Practices in The Context of Development in Malaysia', *Built Environment Journal*, vol. 13/1 (2016): 34-46.

²⁴ Dalila Daud & Rashidah Abdul Rahman, 'Straightening The Governance of Waqf Using Tawhidic Approaches', *Journal of Contemporary Islamic Studies*, vol. 4/2 (2018): 1-17.

²⁵ Hasyeilla Abd Mutalib & Selamah Maamor, 'Utilization of Waqf Property: Analyzing An Institutional Mutawalli Challenges in Management Practices', *International Journal of Economics and Financial Issues*, vol. 6/7 (2016): 36-41.

²⁶ Muṣṭafā Aḥmad al-Zarqā, *Aḥkām al-Awqāf* ('Ammān: Dār 'Ammār, 1997), 19.

²⁷ Nidal Alsayed, 'Shari'ah Board, The Task of Fatwa and Ijtihad in Islamic Economics and Finance', *MPRA* (2009): 2.

²⁸ Achmad Irwan Hamzani, 'Kontekstualitas Hukum Islam di Indonesia: Studi Terhadap Hukum Wakaf', *Majalah Masalah-2 Hukum*, vol. 43/3 (2014): 346.

²⁹ Ahmad Hidayat Buang, 'Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia', *Jurnal Syariah*, vol. 10/1 (2002): 48; Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid, 'Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia', *Jurnal Syariah*, vol. 12/2 (2004): 92.

³⁰ Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid, 'Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia', 92.

tiada sebuah kajian yang dilaksanakan untuk menghuraikan mengenai tadbir urus penyelesaian isu-isu Syariah yang dirujuk ke Jawatankuasa Fatwa Negeri berkaitan pembangunan wakaf secara khusus di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

1. Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes secara kolektif. Sehubungan itu, pensampelan bertujuan dilaksanakan dengan memilih empat negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan dan Johor berasaskan pembangunan wakaf yang progresif di negeri-negeri tersebut sama ada pembangunan dari aspek hartanah wakaf,³¹ mahupun pengenalan produk-produk baharu berbentuk tunai atau tidak tunai.³² Hal ini demikian kerana melalui pembangunan wakaf yang

³¹ Norliza Md Nuruddin, Hairunnizam Wahid & Aisyah Abdul-Rahman, 'Pembangunan Tanah Wakaf Secara Penswastaan: Kajian Terhadap Projek Menara Imarah Wakaf oleh Majlis Agama Islam Wilayah', *Jurnal Syariah*, vol. 27/1 (2019): 45-76; Baihaki Abdullah, Azreen Hamiza Abdul Aziz & Zakaria Bahari, 'Pelaksanaan Pembangunan Wakaf di Negeri Pulau Pinang Dalam Sektor Komersial', *International Journal of Modern Trends in Business Research*, vol. 3/14 (2020): 1-13; Muhamad Hazrin Sayuti & Azreen Hamiza Abdul Aziz, 'Implikasi Pendekatan Korporat Terhadap Pengurusan Pembangunan Tanah Wakaf: Kajian Kes di Perbadanan Wakaf Selangor', *Journal of Islamic*, vol. 6/39 (2021): 11-21; Siti Salwani Mustapa, Hairunnizam Wahid & Mohd Faisol Ibrahim, 'Kajian Terhadap Isu Pembelian Tanah Wakaf Menerusi Mekanisme Wakaf Tunai di Negeri Selangor', *Jurnal Syariah*, vol. 30/1 (2022): 1-33.

³² Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil, 'Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisis Wakaf Selangor Muamalat', *Jurnal Pengurusan*, vol. 42/1 (2014): 159-167; Zainal Abidin Jaffar, 'Pengurusan dan Pelaksanaan Wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)', *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, vol. 9/2 (2015): 141-151; Jauhar Faradis, M. Yazid Affandi & Slamet Khilmi, 'Manajemen Fundraising Wakaf Produktif: Perbandingan Wakaf Selangor (PWS) Malaysia dan Badan Wakaf Indonesia', *Asy-Syir'ah: Jurnal Ilmu Syari'ah dan Hukum*, vol. 49/2 (2015): 500-518; Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Abdul Hafiz Abdullah, Sulaiman Shakib Mohd Noor & Mohd Rilizam Rosli, 'Wakaf di Negeri Johor: Latar Belakang dan Potensi', *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, vol. 6/2-2 (2019): 1-12; Noh Gadot, Nurul Syuhada Yahya & Mohd Rilizam Rosli, 'Konsep Saham Wakaf Johor dan Perkembangannya di Malaysia', *Journal of Fatwa Management and Research*, vol. 16/2 (2019): 1-14.

progresif ini menjadikan lebih banyak isu-isu Syariah berbangkit yang perlu diijtihadkan lalu menjadikan tadbir urus penyelesaiannya di negeri berkenaan signifikan.

Temu bual separa berstruktur dengan pihak yang berkepentingan dan pegawai yang terlibat secara langsung dengan tadbir urus penyelesaian isu Syariah bagi pembangunan wakaf di negeri-negeri dilaksanakan. Temu bual secara mendalam dilaksanakan dengan pegawai atau pengurus di institusi wakaf negeri selaku *mutawallī* yang menguruskan harta wakaf, ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri selaku badan yang memutuskan fatwa, dan pegawai di Jabatan Mufti selaku urusetia yang menguruskan dan melancarkan proses pelaksanaan pemutusan isu berbangkit bermula dari awal sesuatu isu timbul sehingga difatwakan (Rujuk Jadual 1).

Selain daripada temu bual secara individu, temu bual separa berstruktur turut dilaksanakan secara *dyadic*. Temu bual *dyadic* ialah temu bual bersama dua orang informan.³³ Keterlibatan informan secara berpasangan dalam kajian ini adalah berasaskan saranan informan sendiri, iaitu informan melihat terdapat keperluan untuk pengkaji menemu bual bersama pegawai lainnya dalam rangka melengkap data dan info yang tidak diingati atau terlepas pandang oleh informan pertama.

Tambahan pula, enakmen-enakmen yang berkaitan dengan pembangunan wakaf serta pelaksanaan Jawatankuasa Fatwa seperti Enakmen Wakaf dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri turut diteliti berasaskan metode dokumentasi.

Jadual 1: Senarai Informan Temu bual

Temu bual Secara Individu		
Institusi	Jawatan dan Unit	Label
Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)	Penolong Pengarah Wakaf	J1
Jabatan Mufti Johor	Ketua Penolong Mufti Bahagian Fatwa, merangkap setiausaha JFN Johor	J2
Jawankuasa Fatwa Negeri Johor	Mufti Negeri Johor	J3

³³ David L. Morgan, Susan Eliot, Robert A. Lowe & Paul Gorman, 'Dyadic Interviews as A Tool for Qualitative Evaluation', *American Journal of Evaluation*, vol. 37/1 (2016): 111.

Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP)	Pegawai Tadbir Unit Pembangunan Hartanah dan Harta Wakaf	P1
Wakaf Pulau Pinang	Ketua Pegawai Eksekutif	P2
Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)	Eksekutif Pengkajian dan Hasil	S1
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	Ketua Penolong Mufti Bahagian Fatwa	P3
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan	Pegawai Hal Ehwal Islam	W1
Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan	Mufti Wilayah Persekutuan	W2
Temu bual <i>Dyadic</i>		
Perbadanan Wakaf Selangor	Pengurus Pemasaran dan Dakwah	S2
	Eksekutif Pemasaran Korporat	S3
Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor	Ketua Penolong Mufti, Ketua Bahagian Fatwa	S4
	Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Fatwa Unit Istinbat	S5

Sumber: Olahan Pengkaji.

2. Etika Penyelidikan

Kajian ini dijalankan selepas mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Malaya (UMREC). Jawatankuasa meneliti beberapa aspek melibatkan etika penyelidikan termasuk metodologi kajian, kemungkinan risiko kepada informan kajian dan kerahsiaan. Dalam memastikan kajian ini mengikut etika penyelidikan yang ditetapkan oleh UMREC, butiran mengenai kajian telah diberikan kepada informan bagi menerangkan latar belakang kajian, objektif kajian, prosedur kajian, faedah kajian, sebarang risiko yang berkaitan, kerahsiaan maklumat informan serta maklumat untuk dihubungi sekiranya terdapat sebarang aduan berkaitan kajian. Bersama-sama butiran tersebut, pengkaji turut melampirkan borang

kebenaran untuk diisi oleh informan untuk merekodkan persetujuan mereka dan sebagai bukti penglibatan mereka dalam menyertai kajian ini.

3. Analisis Data

Data-data temu bual yang diperolehi akan dianalisa secara terperinci secara tematik. Analisis data temu bual akan dimulakan dengan mengumpul kesemua rakaman audio temu bual dari informan pertama sehingga informan terakhir. Seterusnya, rakaman ditranskripsikan ke dalam bentuk tulisan secara *verbatim*, iaitu setiap patah perkataan dalam temu bual dipindahkan ke dalam bentuk transkrip termasuk kata-kata yang terhenti sejenak (*pause*), perbualan selingan, dan lain-lain. Hasil transkrip temu bual dilihat dan diteliti tidak kurang dari dua kali bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan kategori serta pengulangan paten. Setelah proses transkripsi selesai, seterusnya pengkaji memulakan penganalisan data. Data temu bual dianalisis dan dibentuk kod bebas. Menurut John W. Creswell, kod-kod yang terbentuk disusun berdasarkan penamaan kategori.³⁴ Seterusnya dikelompokkan kategori-kategori tersebut di bawah tema yang sepadan. Perisian Nvivo Plus digunakan dalam menganalisis data serta membantu dalam pengurusan data yang lebih sistematik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

1. Peruntukan Mengenai Rujukan Mendapatkan Fatwa Berkenaan Wakaf

MAIN selaku pemegang amanah tunggal dalam perihal pengurusan dan pembangunan wakaf perlu menguruskannya mengikut ketetapan undang-undang di peringkat negeri masing-masing. Pentadbiran dan pengurusan hal ehwal wakaf di lima negeri iaitu Perak, Terengganu, Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan tertakluk pada Enakmen Wakaf, manakala negeri-negeri yang lain merujuk kepada peruntukan wakaf yang sedia ada dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam sahaja.³⁵

³⁴ John W. Creswell, *Qualitative Inquiry and Research Design* (California: Sage Publications, 2013), 44.

³⁵ Nor Asiah Mohamad, 'Perkembangan Terkini Enakmen Wakaf di Malaysia: Adakah Komprehensif?', *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, vol. 30/2 (2018): 363.

Jadual 2: Peruntukan Undang-undang Mengenai Rujukan Isu ke JFN

Isu yang Perlu Membuat Rujukan ke JFN	Enakmen
Isu berkaitan hukum Syarak	i) Enakmen Wakaf Perak 2015 Seksyen 46 ii) Enakmen Wakaf Negeri Sembilan Seksyen 3(2)
Persoalan hukum Syarak berkaitan rukun wakaf	i) Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015 Seksyen 40 ii) Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 41(1)
Persoalan hukum Syarak berhubung pembangunan <i>mawqūf</i>	i) Enakmen Wakaf Negeri Melaka 2006 Seksyen 51 ii) Enakmen Wakaf Perak 2015, Seksyen 25
<i>Istibdāl</i>	i) Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015 Seksyen 41 ii) Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 42(1)
<i>Istibdāl</i> tanah masjid	i) Enakmen Wakaf Negeri Sembilan Bahagian 3, Seksyen 12 (2)
Pengurusan <i>mawqūf</i> wakaf khas	ii) Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015 Seksyen 42 iii) Enakmen Wakaf Perak 2015 Seksyen 23 iv) Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 43
Perkara yang kabur dan tidak pasti pada makna atau natijah mana-mana suratcara atau akuan yang mewujudkan atau menyentuh mana-mana wakaf	i) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 Seksyen 94 ii) Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 Seksyen 66 iii) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 Seksyen 66 iv) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Sabah 1992 Seksyen 50 v) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006 Seksyen 94 vi) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 Seksyen 57 vii) Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 Seksyen 54

Sumber: Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Enakmen Wakaf.

Sungguhpun MAIN berperanan mengurus dan membangunkan wakaf, namun sekiranya terdapat isu Syariah berbangkit ketika membangunkan

harta wakaf, MAIN akan merujuk ke Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFN) di bawah Jabatan Mufti untuk mendapatkan pandangan hukum Syarak seperti ketetapan dan peruntukan dalam Enakmen Wakaf dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri.

Berdasarkan Jadual 2, Enakmen Wakaf dilihat menghuraikan dengan lebih terperinci dan jelas mengenai rujukan ke JFN berbanding Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Enakmen Wakaf Perak dan Negeri Sembilan memperuntukkan rujukan ke JFN mengenai sebarang isu Syariah yang berbangkit berkaitan wakaf, manakala Enakmen Wakaf Negeri Selangor dan Terengganu memperuntukkan mengenai rujukan ke JFN perihal persoalan hukum Syarak berkaitan rukun wakaf. Tiada perbezaan antara kedua peruntukan tersebut kerana yang membina sesuatu pewakafan ialah rukun-rukunnya, justeru kedua-dua peruntukan merujuk pada keperluan merujuk ke JFN bagi segala isu Syariah yang timbul berkaitan wakaf. Selain daripada itu, terdapat peruntukan khusus dalam persoalan hukum Syarak berhubung pembangunan *mawqūf* dalam Enakmen Wakaf Negeri Melaka dan Perak. Tambahan pula, terdapat juga peruntukan khusus mengenai rujukan ke JFN berkaitan *istibdāl* selaku salah satu mekanisme pembangunan *mawqūf* dalam Enakmen Wakaf Negeri Selangor dan Terengganu, dan khusus mengenai *istibdāl* tanah masjid dalam Enakmen Wakaf Negeri Sembilan. Dalam pada itu Enakmen Negeri Selangor, Perak dan Terengganu memperuntukkan mengenai rujukan ke JFN bagi sebarang isu berkaitan pengurusan *mawqūf* yang berbentuk wakaf khas. Dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri pula hanya memperuntukkan mengenai perkara yang kabur dan tidak pasti pada makna atau natijah mana-mana suratcara atau akuan yang mewujudkan atau menyetujui mana-mana wakaf untuk dirujuk ke JFN.

Justeru, Enakmen Wakaf menyediakan peruntukan yang lebih komprehensif dalam konteks rujukan mendapatkan fatwa bagi isu-isu Syariah berkaitan wakaf yang timbul. Manakala terdapat kelompangan bagi negeri yang tidak mempunyai Enakmen Wakaf dalam menyediakan peruntukan mengenai rujukan isu Syariah berkaitan wakaf ke JFN, iaitu bagi negeri yang sekadar merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri seperti Pulau Pinang, Kelantan, Wilayah Persekutuan, Sabah, Perlis, Kedah dan Sarawak. Hal ini demikian kerana peruntukan membuat rujukan ke JFN hanya pada kekaburan pada tafsiran suratcara sahaja, tidak bagi isu Syariah secara umumnya.

2. Kuat Kuasa Fatwa yang Diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri dalam Pembangunan Wakaf di Malaysia

Fatwa di Malaysia diklasifikasikan kepada dua iaitu fatwa yang diwartakan dan fatwa yang tidak diwartakan, dan keduanya mempunyai kuat kuasa yang berbeza. Fatwa yang diwartakan mengikat tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di negeri berkenaan dan menjadi kewajipannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu.³⁶ Dalam konteks pengurusan pembangunan wakaf yang diuruskan oleh institusi wakaf negeri, fatwa berkaitan wakaf yang diwartakan ini hanya diguna pakai oleh institusi berkenaan sahaja, S5 menyatakan:

“Kita kata sebagai fatwa yang diwarta yang bersifat teknikal yang merujuk kepada sesuatu agensi sahaja makna nya kepada agensi tersebut sahaja terpakai”. (S5)

Oleh itu, fatwa berkaitan isu pembangunan wakaf yang diwartakan mempunyai kuat kuasa undang-undang yang tersendiri seperti yang dinyatakan oleh S5 dan P1:

“...Jadi mana-mana fatwa yang diwartakan aaa bila mana dia mengikat dia ada punca kuasa untuk dari sudut penguat kuasaan lah”. (S5)

“Antara dia punya kesan daripada fatwa tu lah kalau nak kuat kuasakan undang-undang perlu diwartakan kan. Tu dia punya tu, aaa tengok lah tahap kes kita tu contohnya kes kita aaa contoh saya masuk bab bab tanah jugak, so kita kata tanah ni wakaf waris kata tak wakaf kita bentang kat fatwa, fatwa kata wakaf so sebagai nak menguatkan hujah kita kita mintak supaya aaa fatwa tu diwartakan dia macam tu lah”. (P1)

Oleh kerana fatwa yang diwartakan ini mempunyai kuat kuasa yang tersendiri maka fatwa ini diiktiraf oleh mahkamah di dalam negeri berkenaan,³⁷ misalnya terdapat tuntutan waris terhadap tanah wakaf. Informan-informan berikut menyatakan:

³⁶ Zaini Nasohah, ‘Undang-Undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia’, *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, vol. 27/1 (2005): 29; Muhammad Fathullah Al Haq Muhamad Asni & Jasni Sulong, ‘Penyelarasan Fatwa Antara Negeri-Negeri: Analisis Amalan dan Kaedah Penyeragamannya di Malaysia’, *Journal of Fatwa Management and Research*, vol. 9/1 (2017): 88.

³⁷ Mohd Kamel Mat Salleh, Mohd Al Adib Samuri & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, ‘Kedudukan Fatwa dan Pendapat Mufti Sebagai Autoriti di

“Dua suatu fatwa hendak diiktiraf oleh semua mahkamah di dalam negeri Johor tentang semua perkara yang dinyatakan di dalam nya aa itu. Mahkamah Syariah ape tah lagi”. (J2)

“Sebab dia akan melibatkan proses-proses mahkamah. Terutamanya ketika mana ada tuntutan dari waris-waris terutamanya tanah lah, tanah ke apa ke aaa ni yang sangat kronik isu-isu ni. Dan kita pun ada selalu memberikan aaa pandangan aaa berkaitan dengan tanah-tanah wakaf terutamanya kubur aaa yang telah pun diwakafkan oleh orang terdahulu atupun masjid tapi anak menuntut tanah tu katanya tak de pun wakaf yang berlaku jadi isu-isu ni lah yang kenapa perlu di gazet sesuatu isu tu sebab sesuatu keputusan tu kalau tidak digazet kalau hanya sekadar keputusan dia tak valid untuk perbicaraan kes”. (S4)

“Cuma ada keadaan, fatwa-fatwa ni kena diwartakan. Jika melibatkan mungkin pihak-pihak berkepentingan. Contoh tanah yang melibatkan keluarga tertentu, takut fight di mahkamah ke, jadi diwartakan lah”. (P3)

Tambahan pula, fatwa yang turut diwartakan ialah fatwa berkaitan isu wakaf yang mempunyai kaitan dengan perundangan lain seperti Kanun Tanah Negara. J1 berkata:

“Jadi wakaf ni bila mana ada kaitan dengan perundangan yang lain aaa itu lah kita lebih kepada Kanun Tanah Negara lah, Kanun Tanah Negara. Fatwa kata tanah reserve mesti itu adalah tanah wakaf, tapi bila dekat PTG pemaju dah reserve kan okay itu tapak masjid, okay tiba-tiba pemaju beritahu PTG dia nak pinda tapak masjid tu daripada situ sampai apa dia nak pindah kan lah situ tapak masjid ni pergi dekat tepi ni aaa waktu dulu PTG luluskan aja tapi kalau ikutkan fatwa, tak boleh dia kena dapatkan kebenaran daripada majlis agama dulu nak pinda. Jadi maksud nya fatwa waktu tu bagi isu yang ni ada kaitan dengan perundangan yang lain kita perlu pada warta”. (J1)

Selain daripada fatwa yang diwartakan, fatwa tidak diwartakan apabila isu yang dirujuk ke JFN adalah untuk mendapatkan panduan hukum sahaja. S5 dan P1 menyatakan:

“Bagi fatwa yang tak warta aaa kita kategorikan sebagai pandangan hukum sahaja lah”. (S5)

“Kalau kita kata kita nak guna untuk panduan kita saja kita tak mintak lah untuk diwartakan so kita jadi kan sebagai satu panduan kepada kita. Contohnya aaa macam mana nak mengagihkan aaa apa nama hasil sesuatu wakaf so aaa kita di bawah kita ada beberapa beneficiary ataupun mawqūf ‘alayh. So fatwa kata buat macam ni macam ni macam ni aaaa lepas tu okay kita pegang dia punya panduan fatwa tak perlu digazetkan”. (P1)

Panduan dan pandangan hukum daripada JFN ini penting bagi mengesahkan pelaksanaan pembangunan wakaf selari dengan hukum Syarak. J2 berkata:

“Itu semuanya nanti akan dimasukkan ke Jawatankuasa Wakaf kemudian ke fatwa untuk mengesahkan supaya benda itu betul-betul sah lah contohnya istibdal”. (J2)

Walaupun fatwa yang tidak diwartakan berperanan sekadar sebagai panduan hukum sahaja, namun kelulusan sesuatu pelaksanaan bagi pembangunan wakaf di peringkat institusi wakaf tertakluk kepada kelulusan dan keharusan yang diputuskan oleh JFN. Informan-informan berikut menyatakan:

“Dia melalui keputusan tu sendiri, kita tak de perlukan warta lah. Maksudnya lepas keputusan tu keluar kita akan ambil tindakan atas keputusan fatwa tu tapi kita akan ada pemakluman kepada mesyuarat jawatankuasa tetap dan board apa keputusan fatwa tu sendiri”. (S1)

“Sebab dia nak laksana tu, dia kena dapat fatwa, haa macam tu. Kalau tak dapat fatwa, dia tak dapat laksana gitu”. (W2)

“Fatwa ni kita dapatkan pandangan fatwa, fatwa bagi dia punya pandangan dia tu, kita bawak masuk dalam jawatankuasa wakaf, jadi jawatankuasa wakaf membuat keputusan berdasarkan fatwa”. (J1)

“Cuma bila sesuatu isu yang ada di dalam wakaf, nak di endorse kan pelaksanaan nya, kena masuk ke jawatankuasa fatwa”. (J2)

Dalam erti kata lain, keputusan fatwa turut dijadikan panduan dalam menentukan polisi pentadbiran di peringkat institusi wakaf. P1 dan P3 berkata:

“Bila saya bawak kes-kes yang melibatkan panduan aaa polisi pentadbiran tetapi ada keperluan hukum saya buat either one aaa mai pentadbiran dulu lepas tu saya tanya hukum, hukum hukum harus tak, tak harus pentadbiran katup kedai ataupun aaa pi saya tanya hukum saya masuk pentadbiran hukum kata tak harus, bila kata tak harus kat hukum saya tak pi dah kat pentadbiran”. (P1)

“Sebab setiap pandangan majlis terikat dengan pandangan jawatankuasa fatwa. Apapun keputusan dia, contohnya dia dah bersetuju untuk suatu tanah diistbdāl, setuju peringkat dia pun tak boleh dilaksanakan tanpa pandangan fatwa. Jadi mesyuarat Jawatankuasa Fatwa ini memberi pandangan. Fatwa tu sebagai pandangan”. (P3)

Selain daripada itu, keputusan fatwa juga menjadi dasar kepada pelaksanaan pembangunan wakaf di institusi wakaf. W3 dan J3 menjelaskan:

“Sebelum ni takde dasar. So bila ada dasar tu yang kita bawa ke hukum Syarak tu. Hukum Syarak tu kitorang bawa 3 kali”. (W3)

“Dah dijadikan sebagai dasar sebab dia macam apa yang dibuat oleh keputusan fatwa dalam sesuatu perkara tu dia akan jadi dasar kepada wakaf tu sendiri. Aaaa sebagai contoh macam istibdāl kan, istibdāl tu menjadi dasar macam mana cara nak istibdāl. Sebagai contoh la ye sebelum saya jawab awak katakan lah misal nya istibdāl kita mesti harga, kedudukan, yang nak diganti tu lebih baik dan siapa yang nak menentukan harga dan juga kedudukan tanah tu lebih baik... Penilai lah, penilai ni sapa? Jabatan Penilaian Harta kan. aaa jadi kita ambil kan daripada situ. So jadi maknanya aaa ape tu saya nak cakap tadi aaa itu dari segi proses dia kan, dari segi proses dari segi proses istibdāl. Aaaa dia kena jadi dasar aaa maknanya nak membuat sesuatu ape ni perubahan mesti melalui istibdāl. Satu dasar, so proses istibdāl macam mana, buat penilaian satu dasar. Siapa yang buat penilaian? jabatan penilaian, itu jadi dasar. So bila kita buat keputusan-keputusan tu dia akan terus jadi menambah baik kepada dasar-dasar yang ada”. (J3)

Apabila sesuatu fatwa sudah menjadi dasar wakaf, maka apabila timbul isu yang sama dan selari dengan dasar yang telah diputuskan itu, institusi wakaf boleh melaksanakannya terus berasaskan dasar tersebut. J3 berkata:

“Dah jadi dasar dia tak pergi fatwa lagi dah. Dalam kes yang lain tengok pada dasar yang dah diputuskan oleh fatwa”. (J3)

P3 dan P1 turut menyatakan praktis di Pulau Pinang yang menggunakan dasar sedia ada apabila timbul isu yang berkaitan dengan pelupusan harta wakaf tak alih serta pewujudan wakaf tunai:

“Dia di peringkat fatwa dah ada garis panduan, pelupusan tu. Em tak alih tu kita ada garis panduan, makna dia ikut jela, harta alih atau tak alih tu”. (P3)

“Wakaf tunai ni aaa dia ada satu kelulusan fatwa dah dah ada kan. Aaa satu keputusan fatwa so kita apply jelah”. (P1)

Oleh itu, sebarang perubahan pada dasar yang pernah diputuskan perlu dibawa kembali untuk diluluskan di JFN semula. W1 berkata:

“...Contoh perubahan pada kadar upah pada Pusat Wakaf contoh bila kata berkaitan ujah, ujah li al-nazir pada upah cas pada nazir ni, dia tak boleh nak upah nak ubah macam tu ja, dia mungkin di propose kepada MAIWP. Tak boleh sebab dia nak tahu dari sudut hukum macam mana kadar apa-apa keadaan yang boleh yang dibolehkan oleh Syarak, jadi macam mana dia akan melalui proses aaa ni lah di AJK fatwa kita lah aaa dan sekiranya aaa kalau dalam tu kata dia kuat kuasa ni lah dia punya punca kuasa ni kalau dari segi fatwa kata lulus maka proceed lah dengan kadar yang baru aaa kalau tak lulus maka tidak boleh lah dinaikkan kadar tersebut. Makna walaupun pihak MAIWP meluluskan contoh secara meluluskan tapi walau AJK fatwa tidak meluluskan jadi tak boleh masih tidak boleh di proceed fatwa tersebut”. (W1)

Kesimpulannya, fatwa yang diputuskan mengenai isu-isu Syariah berkaitan pembangunan wakaf terdiri daripada fatwa yang diwartakan dan tidak diwartakan. Fatwa yang diwartakan mempunyai kuat kuasa perundangan terutama bagi isu yang melibatkan mahkamah serta pertembungan dengan perundangan lain. Bagi fatwa yang tidak diwartakan, sungguhpun fatwa tersebut tidak mempunyai kuat kuasa dari aspek perundangan, namun dari segi praktis semasa fatwa yang diputuskan oleh JFN berperanan lebih dari sekadar sebuah panduan hukum. Ia berperanan sebagai sebuah badan yang menasihati (*advisory body*) buat institusi wakaf dalam melaksanakan sebarang pembangunan. Dalam masa yang sama,

keputusan JFN bertindak sebagai pemberi kelulusan terhadap sesuatu pembangunan wakaf serta, menjadi dasar serta menentukan polisi pentadbiran di institusi wakaf.

Jadual 3: Rumusan Analisis Tematik

Kuat kuasa fatwa bagi penyelesaian isu pembangunan wakaf	Fatwa yang diwartakan	Diiktiraf di mahkamah Mempunyai kuat kuasa undang-undang Fatwa diwartakan apabila terdapat isu yang bertentangan dengan perundangan lain
	Fatwa yang tidak diwartakan	Panduan hukum Pengesahan selari dengan Syarak Kelulusan pelaksanaan di institusi wakaf Sebagai dasar di institusi wakaf Penentuan polisi pentadbiran di institusi wakaf

Sumber: Hasil temu bual informan-informan kajian, 28 Jun 2022 - 31 Januari 2023.

3. Tadbir Urus Syariah Penyelesaian Isu-isu Pembangunan Wakaf di Malaysia: Kajian Kes di Empat Negeri Terpilih


Perihal pembangunan wakaf yang terletak di peringkat negeri masing-masing menjadikan setiap negeri mempunyai tadbir urus yang tersendiri. Hal ini termasuk perihal institusi wakaf membuat rujukan ke Jawatankuasa Fatwa dalam menyelesaikan isu-isu Syariah ketika membangunkan wakaf.

a) Tadbir Urus di Pulau Pinang

Di Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) merupakan *mutawallī* yang menguruskan pembangunan wakaf dari aspek sosial. Sekiranya timbul isu yang melibatkan hukum Syarak, maka kertas kerja akan disediakan oleh unit berkaitan di peringkat MAINPP; isu berkenaan sesuatu pembangunan di atas hartanah wakaf disediakan oleh Unit Pembangunan Hartanah dan Harta Wakaf, isu berkaitan sewaan akan disediakan oleh Unit Pengurusan dan Penyelenggaraan Premis dan isu berkaitan dana wakaf disediakan oleh Unit Pengurusan Dana Wakaf, lalu kertas kerja akan dibawa ke mesyuarat Majlis kemudian dibentangkan di mesyuarat JFN bagi mendapatkan panduan hukum. Keputusan fatwa akan

dibawa ke mesyuarat Majlis kembali untuk mendapatkan panduan dari segi polisi pentabiran sebelum sesuatu pembangunan dilaksanakan.³⁸

Rajah 2: Tadbir Urus Penyelesaian Isu Syariah Berkaitan Pembangunan Wakaf di Pulau Pinang



Sumber: Temu bual bersama Fakhrudin bin Abd Rahman, Ketua Unit Pembangunan Hartanah dan Harta Wakaf, 2 Ogos 2022; dan Rosidi Hussain, Ketua Pegawai Eksekutif, Wakaf Pulau Pinang, 9 Februari 2023.


Dalam pada itu pada tahun 2018, MAINPP menubuhkan sebuah anak syarikat iaitu Wakaf Pulau Pinang yang bertanggungjawab menguruskan dan membangunkan harta wakaf di Pulau Pinang dari sudut komersial. Sekiranya timbul isu yang melibatkan hukum Syarak ketika membuat sebarang pembangunan dari sudut komersial, maka kertas kerja akan disediakan oleh unit berkaitan di Wakaf Pulau Pinang. Isu berkaitan pembangunan disediakan oleh Bahagian Pembangunan, isu-isu dan eksplorasi perkara baharu berkaitan wakaf disediakan oleh Bahagian Penyelidikan dan Kelestarian Sosial Wakaf, serta isu berkaitan kewangan disediakan oleh Bahagian Kewangan. Setelah kertas kerja siap, ia perlu melalui mesyuarat eksekutif Wakaf Pulau Pinang bagi menyemak setiap isi dan maklumat kertas kerja sebelum dibawa ke mesyuarat ahli Lembaga Pengarah Wakaf Pulau Pinang seterusnya ke JFN.³⁹

³⁸ Fakhrudin Abd Rahman (Ketua Unit Pembangunan Hartanah dan Harta Wakaf MAINPP), dalam temu bual dengan pengkaji, 2 Ogos 2022.

³⁹ Rosidi Hussain (Ketua Pegawai Eksekutif, Wakaf Pulau Pinang), dalam temu bual dengan pengkaji, 9 Februari 2023.

b) Tadbir Urus di Selangor

Rajah 3: Tadbir Urus Penyelesaian Isu Syariah Berkaitan Pembangunan Wakaf di Selangor



Sumber: Temu bual bersama Syazwarina Binti Mohd Razali, Eksekutif Penyelidikan dan Hasil, Perbadanan Wakaf Selangor, 29 Ogos 2022; dan Mohd Azmi bin Misron, Pengurus Pemasaran dan Dakwah, Perbadanan Wakaf Selangor, 21 September 2022.


Di Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), sekiranya timbul isu dalam menguruskan harta wakaf setiap bahagian perlu mendapatkan keputusan daripada Jawatankuasa Tetap. Terdapat empat Jawatankuasa Tetap yang diwujudkan iaitu Jawatankuasa Tetap Pembangunan Hartanah, Jawatankuasa Tetap Pemasaran dan Dakwah, Jawatankuasa Tetap Kewangan dan Jawatankuasa Tetap Audit. Namun, bagi perkara yang mempunyai isu Syariah akan disokong isu tersebut untuk mendapatkan pandangan fatwa. Seterusnya perkara tersebut dibawa ke mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PWS untuk kelulusan mendapatkan fatwa lalu disediakan kertas kerja untuk diajukan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor untuk diputuskan. Pembuatan kertas kerja dibuat oleh bahagian yang berkaitan iaitu Bahagian Penyelidikan dan Pelaburan bagi isu *istibdāl*, serahan dan pembangunan hartanah wakaf, isu berkaitan manfaat wakaf disediakan oleh Bahagian Kewangan serta wakaf tunai disediakan oleh Unit Korporat. Keputusan JFN akan dimaklumkan kembali ke Jawatankuasa Tetap dan Ahli Lembaga Pengarah untuk tujuan sokongan sebelum sesuatu pembangunan dilaksanakan.⁴⁰

⁴⁰ Syazwarina Mohd Razali (Eksekutif Penyelidikan dan Hasil, Perbadanan Wakaf Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Ogos 2022; Mohd Azmi Misron (Pengurus Pemasaran dan Dakwah, Perbadanan Wakaf Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, 21 September 2022.

c) Tadbir Urus di Wilayah Persekutuan

Isu-isu yang timbul ketika menguruskan dan membangunkan harta wakaf oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang berkaitan hukum Syarak atau isu *istibdāl* secara khususnya perlu melalui mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak untuk diputuskan. Prosedur penyelesaian isu yang perlu mendapatkan pandangan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak bermula dengan penyediaan kertas kerja daripada unit-unit berkaitan iaitu unit yang terlibat secara langsung dengan isu berbangkit rentetan mahu mengadakan pembangunan seperti isu *istibdāl* yang disediakan Unit Pembangunan Hartanah MAIWP, isu berkaitan wakaf tunai disediakan oleh Pusat Wakaf MAIWP dan lain-lain isu pembangunan wakaf disediakan oleh Unit Pengurusan Wakaf. Setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak, keputusan akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Wakaf untuk disokong, kemudian dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk dimaklumkan.⁴¹

Rajah 4: Tadbir Urus Penyelesaian Isu Syariah Berkaitan Pembangunan Wakaf di Wilayah Persekutuan




Sumber: Temu bual bersama Muhammad Lutfi Hilmi bin Takiuuddin, Pegawai Unit Pengurusan Wakaf MAIWP, 28 Jun 2022.

⁴¹ Muhammad Lutfi Hilmi Takiuuddin (Pegawai Unit Pengurusan Wakaf MAIWP), dalam temu bual bersama pengkaji, 28 Jun 2022.

d) Tadbir Urus di Johor

Rajah 5: Tadbir Urus Penyelesaian Isu Syariah Berkaitan Pembangunan Wakaf di Johor



Sumber: Temu bual bersama Nor Asraf bin Hashim, Penolong Pengarah Wakaf, Majlis Agama Islam Johor, 22 Jun 2022.

Di Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Bahagian Wakaf berperanan untuk mentadbir, mendaftarkan dan mengagih harta-harta wakaf mengikut tujuan yang telah ditentukan oleh pewakaf dalam kerangka hukum Syarak.⁴² Justeru, bagi membangunkan sesuatu harta wakaf, Bahagian Wakaf perlu memohon kelulusan Jawatankuasa Wakaf. Namun, bagi perkara yang melibatkan hukum Syarak, Jawatankuasa Wakaf akan membuat rujukan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor bagi mendapatkan pandangan hukum, maka Bahagian Wakaf MAIJ akan menyediakan kertas kerja untuk dibawa ke JFN.⁴³ Hal ini seiring dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 yang menetapkan bahawa pembangunan wakaf mestilah selari dengan ketetapan Syarak, maka keharusan sesuatu isu pembangunan yang diputuskan di peringkat

⁴² Ewakaf Johor, 'Pengenalan Saham Wakaf', https://www.e-wakafjohor.gov.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=75&Itemid=497, diakses 7 November 2022.

⁴³ Nor Asraf Hashim (Penolong Pengarah Wakaf, Majlis Agama Islam Johor), dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Jun 2022.

JFN menentukan kebolehan dan kelulusan di peringkat Jawatankuasa Wakaf bagi sesuatu pembangunan wakaf di negeri Johor. Setelah diputuskan di peringkat JFN, keputusan akan dimaklumkan kembali kepada Jawatankuasa Wakaf untuk membuat keputusan sama ada dibenarkan atau tidak melaksanakan sesuatu pembangunan mengikut ketetapan yang dibuat oleh JFN.

4. Kuasa Jawatankuasa Fatwa Negeri Untuk Menyediakan Fatwa

Jadual 4: Keahlian Jawatankuasa Fatwa di Negeri Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan dan Johor

Negeri	Bilangan Ahli	Ahli
Pulau Pinang	7 orang hingga 12 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang dilantik oleh Mufti dan seorang pegawai dari Jabatan Mufti sebagai setiausaha.
Selangor	8 orang hingga 14 orang	Mufti, Timbalan Mufti, Penasihat Undang-undang Negeri Selangor, dua orang anggota Majlis, seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mahir dalam hukum Syarak, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai dari Jabatan Mufti sebagai setiausaha.
Wilayah Persekutuan	Minima 7 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis, tidak kurang daripada dua orang, yang layak dan sesuai, yang dilantik oleh Majlis, dan seorang pegawai Jabatan Agama Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan yang dilantik oleh Majlis, yang hendaklah menjadi Setiausaha.
Johor	7 orang hingga 10 orang	Mufti, Timbalan Mufti, dua orang ahli Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada lima orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai daripada Jabatan Mufti sebagai setiausaha yang dilantik oleh Majlis.

Sumber: Seksyen 46 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Seksyen 46 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Seksyen 37 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dan Fasal 46 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.

Di Malaysia terdapat 14 jawatan mufti yang mewakili 14 buah negeri. Para mufti ini dibantu oleh beberapa ahli jawatankuasa fatwa.⁴⁴ Berdasarkan Jadual 4, setiap Jawatankuasa Fatwa Negeri mempunyai bilangan ahli yang berbeza iaitu 7 orang hingga 12 orang di Pulau Pinang, 8 orang hingga 14 orang di Selangor, minima 7 orang di Wilayah Persekutuan dan 7 orang hingga 10 orang di Johor. Peranan ahli JFN adalah untuk memutuskan fatwa. Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Seksyen 34 (1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Fasal 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 memperuntukkan bahawa Jawatankuasa Fatwa hendaklah menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan ketidaktentuan berhubung dengan hukum Syarak. Antara isu yang difatwakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri ialah isu mengenai wakaf.⁴⁵

KESIMPULAN


MAIN dan *mutawallī* yang dilantik berperanan membangunkan wakaf selari dengan Syariah. Oleh yang demikian, apabila timbul sesuatu isu Syariah ketika membangunkan wakaf yang memerlukan panduan hukum Syarak, maka MAIN akan membuat rujukan ke Jawatankuasa Fatwa Negeri. Hal ini adalah berasaskan peruntukan di dalam Enakmen Wakaf yang menyatakan secara komprehensif mengenai rujukan institusi wakaf ke JFN bagi isu Syariah berkaitan wakaf, manakala bagi negeri yang tidak mempunyai Enakmen Wakaf, peruntukan mengenai rujukan ke JFN hanyalah mengenai kekaburan pada tafsiran suratcara sahaja. Namun demikian, pada Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Seksyen 34 (1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Fasal 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 memperuntukkan bahawa

⁴⁴ Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj Abdullah, Paizah Hj Ismail & Mohd Anuar Ramli, 'Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal', *Jurnal Fiqh*, vol. 10 (2013), 32.

⁴⁵ Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Mohd Khairy Kamarudin, Mohd Nasir Ripin, Ahmad Muhyuddin Hassan, Ahmad Che Yaacob, Aminuddin Ruskam, Sayed Mahusain Syed Ahmad & Abdul Halim Zulkifli, 'Fatwa in Malaysia: A Highlight of Fatwas in Muamalat', *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, vol. 8/5 (2017): 28.

Jawatankuasa Fatwa hendaklah menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan ketidaktentuan berhubung dengan hukum Syarak. Berdasarkan ketetapan tersebut, badan yang mempunyai kuasa mengeluarkan fatwa berhubung dengan hukum Syarak ialah Jawatankuasa Fatwa Negeri, dan isu Syariah berkaitan wakaf adalah tidak terkecuali.

Rajah 6: Rumusan Tadbir Urus Penyelesaian Isu Syariah Berkaitan Pembangunan Wakaf di Malaysia



Sumber: Hasil temu bual informan-informan kajian, 28 Jun 2022 - 31 Januari 2023.

Berdasarkan Rajah 6, rujukan mendapatkan fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri bermula dengan penyediaan kertas kerja di peringkat MAIN oleh unit atau bahagian yang menguruskan isu terbabit secara langsung, dan ini berbeza dari satu negeri dari yang lainnya rentetan perbezaan struktur tadbir urus institusi wakaf antara negeri. Di Pulau Pinang, pengurusan pembangunan wakaf dilaksanakan oleh MAINPP bagi sektor sosial manakala Wakaf Pulau Pinang melaksanakan pembangunan di sektor komersial. MAINPP terdiri daripada Unit Pembangunan Hartanah dan Harta Wakaf, Unit Pengurusan dan Penyelenggaraan Premis dan Unit Pengurusan Dana Wakaf, manakala Wakaf Pulau Pinang pula terdiri daripada Bahagian Pembangunan, Bahagian Penyelidikan dan Kelestarian Sosial Wakaf, serta Bahagian Kewangan. Selain daripada itu, di PWS bahagian yang terlibat secara langsung dengan pembangunan wakaf ialah Bahagian Penyelidikan dan Pelaburan, Bahagian Kewangan dan Unit

Korporat. Seterusnya, di MAIWP kertas kerja disediakan oleh Unit Pembangunan Hartanah, Pusat Wakaf MAIWP dan Unit Pengurusan Wakaf. Dan di Johor penyelesaian isu Syariah bagi pembangunan wakaf bermula dengan penyediaan kertas kerja oleh Bahagian Wakaf MAIJ.

Setelahnya, isu tersebut perlu mendapat penelitian di peringkat jawatankuasa dalaman institusi wakaf seperti Jawatankuasa Wakaf di Wilayah Persekutuan dan Johor, Jawatankuasa Tetap di Selangor, serta mesyuarat Majlis dan mesyuarat ahli lembaga pengarah Pulau Pinang. Kertas kerja kemudiannya akan diusulkan ke Jawatankuasa Fatwa untuk diputuskan. Setelah diputuskan, fatwa akan dimaklumkan ke institusi wakaf kembali untuk diambil tindakan selanjutnya dalam membangunkan harta wakaf. Kesimpulannya, walaupun terdapat perincian yang berbeza pada tadbir urus penyelesaian isu Syariah bagi pembangunan wakaf, namun ke semua negeri yang dijadikan kajian kes didapati mempunyai persamaan dari aspek proses yang bermula di unit atau bahagian di institusi wakaf kemudian melalui jawatankuasa dalaman dan yang terakhir diputuskan fatwa oleh JFN.

Di samping itu, fatwa yang diputuskan oleh JFN mempunyai kuat kuasa yang berbeza. Bagi fatwa yang diwartakan mempunyai kuat kuasa undang-undang yang tersendiri termasuk diiktiraf di mahkamah. Manakala bagi fatwa yang tidak diwartakan, ia berperanan sebagai panduan hukum dalam membangunkan harta wakaf di peringkat institusi wakaf, selain memastikan kepatuhan Syariah bagi pembangunan wakaf serta menjadi dasar, menentukan kelulusan dan penentuan polisi pentadbiran di peringkat institusi wakaf.

RUJUKAN

- Abd Halim Mohd Noor, Nor Aishah Mohd Ali, Aryani Abdullah & Henny Hazliza Mohd Tahir, 'The Waqf Governance Framework in Malaysia', *International Conference on Development of Social Enterprise and Social Business For Eradication of Extreme Poverty and Street Begging IIUCIC7-2014/IC7*, vol. 160 (2014).
- Abdul Hamid Mar Iman & Mohammad Tahir Sabit, *Waqf Property: Concept, Management, Development and Financing* (Johor Bharu: UTM Press, 2014).
- Achmad Irwan Hamzani, 'Kontekstualitas Hukum Islam di Indonesia: Studi Terhadap Hukum Wakaf', *Majalah Masalah-2 Hukum*, vol. 43/3 (2014): 346.

- Ahmad Alkhamees, 'The Impact of Shari'ah Governance Practices on Shari'ah Compliance in Contemporary Islamic Finance', *Journal of Banking Regulation*, vol. 14 (2013): 134-163.
- Ahmad Hidayat Buang, 'Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia', *Jurnal Syariah*, vol. 10/1 (2002): 48.
- Ammar Khashan, 'Ijtihad-Based Developments of the Waqf System in Islam and its Re institutionalization in the Contemporary Context: Historical and Theoretical Reflections,' *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, vol. 15/1 (2022): 93.
- Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil, 'Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisis Wakaf Selangor Muamalat', *Jurnal Pengurusan*, vol. 42/1 (2014): 159-167.
- Baihaki Abdullah, Azreen Hamiza Abdul Aziz & Zakaria Bahari, 'Pelaksanaan Pembangunan Wakaf di Negeri Pulau Pinang Dalam Sektor Komersial', *International Journal of Modern Trends in Business Research*, vol. 3/14 (2020): 1-13.
- Dalila Daud & Rashidah Abdul Rahman, 'Straightening The Governance of Waqf Using Tawhidic Approaches', *Journal of Contemporary Islamic Studies*, vol. 4/2 (2018): 1-17.
- David L. Morgan, Susan Eliot, Robert A. Lowe & Paul Gorman, 'Dyadic Interviews as A Tool for Qualitative Evaluation', *American Journal of Evaluation*, vol. 37/1 (2016): 111.
- Ewakaf Johor, 'Pengenalan Saham Wakaf', https://www.e-wakafjohor.gov.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=75&Itemid=497, diakses 7 November 2022.
- Fahmi Medias, Asmak Ab Rahman, Akhmad Akbar Susamto and Zulfikar Bagus Pambuko, 'A Systematic Literature Review on The Socio-Economic Roles of Waqf: Evidence from Organization of The Islamic Cooperation (OIC) Countries', *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, vol. 13/1 (2022): 177-193.
- Fakhruddin Abd Rahman (Ketua Unit Pembangunan Hartanah dan Harta Wakaf MAINPP), dalam temu bual dengan pengkaji, 2 Ogos 2022.
- Hasyeilla Abd Mutalib & Selamah Maamor, 'Utilization of Waqf Property: Analyzing An Institutional Mutawalli Challenges in Management Practices', *International Journal of Economics and Financial Issues*, vol. 6/7 (2016): 36-41.

- Hidayatul Ihsan & Abdullah Ayedh, 'A Proposed Framework of Islamic Governance for Awqaf', *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, vol. 11/2 (2015): 117-133.
- Jauhar Faradis, M. Yazid Affandi & Slamet Khilmi, 'Manajemen Fundraising Wakaf Produktif: Perbandingan Wakaf Selangor (PWS) Malaysia dan Badan Wakaf Indonesia', *Asy-Syir'ah: Jurnal Ilmu Syari'ah dan Hukum*, vol. 49/2 (2015): 500-518.
- JAWHAR, 'Waqf Institution,' dikemaskini 23 Mei 2022, <https://www.jawhar.gov.my/en/waqf/waqf-institutions/>, diakses 18 Oktober 2022.
- John W. Creswell, *Qualitative Inquiry and Research Design* (California: Sage Publications, 2013).
- Lokmanulhakim Hussain, *Ijtihad Jama'i dalam Penetapan Hukum Syarak: Aplikasi di Malaysia* (Negeri Sembilan: INFAD Universiti Sains Islam Malaysia, 2013).
- Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid, 'Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia', *Jurnal Syariah*, vol. 12/2 (2004): 92.
- Mohamed Azmi, Ahmad Shazrin, Noor Rosly Hanif & Siti Mashitoh Mahamood, 'A Review of Waqf Practices in The Context of Development in Malaysia', *Built Environment Journal*, vol. 13/1 (2016): 34-46.
- Mohd Azmi Misron (Pengurus Pemasaran dan Dakwah, Perbadanan Wakaf Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, 21 September 2022.
- Mohd Faisal Mustaffa, Ahmad Mujaheed Muhammad Kamil, Mohd Ridzuan Khalin, Anisah Bulabita & Yusuf Haji-Othman, 'Pengurusan Wakaf di Malaysia: Peluang & Cabaran Dalam Melestarikan Pembangunan Masyarakat', *International Journal of Contemporary Issues*, vol. 2/1(2022): 114.
- Mohd Kamel Mat Salleh, Mohd Al Adib Samuri & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, 'Kedudukan Fatwa dan Pendapat Mufti Sebagai Autoriti di Mahkamah Syariah Malaysia', *Journal of Contemporary Islamic Law*, vol. 1/1 (2016): 1
- Muhamad Hazrin Sayuti & Azreen Hamiza Abdul Aziz, 'Implikasi Pendekatan Korporat Terhadap Pengurusan Pembangunan Tanah Wakaf: Kajian Kes di Perbadanan Wakaf Selangor', *Journal of Islamic*, vol. 6/39 (2021): 11-21.

- Muhammad Fathullah Al Haq Muhamad Asni & Jasni Sulong, 'Penyelarasan Fatwa Antara Negeri-Negeri: Analisis Amalan dan Kaedah Penyeragamannya di Malaysia', *Journal of Fatwa Management and Research*, vol. 9/1 (2017): 88.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj Abdullah, Paizah Hj Ismail & Mohd Anuar Ramli, 'Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal', *Jurnal Fiqh*, vol. 10 (2013), 32.
- Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin & Mustafa Mohd Hanefah, 'An Empirical Investigation on Waqf Governance Practices in Waqf Institutions in Malaysia', *Journal of Financial Reporting and Accounting*, vol. 19/3 (2021): 455-473.
- Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin, Mustafa Hanefah, Zurina Shafii & Supiah Salleh, 'Comparative Analysis on Shariah Governance in Malaysia: SGF 2010, IFSA 2013 and SGPD 2019', *Journal of Public Administration and Governance*, vol. 10/1 (2020): 110-131.
- Muhammad Lutfi Hilmi Takiuuddin (Pegawai Unit Pengurusan Wakaf MAIWP), dalam temu bual bersama pengkaji, 28 Jun 2022.
- Muṣṭafā Aḥmad al-Zarqā, *Aḥkām al-Awqāf* ('Ammān: Dār 'Ammār, 1997).
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Abdul Hafiz Abdullah, Sulaiman Shakib Mohd Noor & Mohd Rilizam Rosli, 'Wakaf di Negeri Johor: Latar Belakang dan Potensi', *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, vol. 6/2-2 (2019): 1-12.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Mohd Khairy Kamarudin, Mohd Nasir Ripin, Ahmad Muhyuddin Hassan, Ahmad Che Yaacob, Aminuddin Ruskam, Sayed Mahusain Syed Ahmad & Abdul Halim Zulkifli, 'Fatwa in Malaysia: A Highlight of Fatwas in Muamalat', *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, vol. 8/5 (2017): 28.
- Nidal Alsayed, 'Shari'ah Board, The Task of Fatwa and Ijtihad in Islamic Economics and Finance', *MPRA* (2009): 2.
- Noh Gadot, Nurul Syuhada Yahya & Mohd Rilizam Rosli, 'Konsep Saham Wakaf Johor dan Perkembangannya di Malaysia', *Journal of Fatwa Management and Research*, vol. 16/2 (2019): 1-14.
- Nor Asiah Mohamad, 'Perkembangan Terkini Enakmen Wakaf di Malaysia: Adakah Komprehensif?', *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, vol. 30/2 (2018): 363.

- Nor Asraf Hashim (Penolong Pengarah Wakaf, Majlis Agama Islam Johor), dalam temu bual dengan pengkaji, 22 Jun 2022.
- Norliza Md Nuruddin, Hairunnizam Wahid & Aisyah Abdul-Rahman, 'Pembangunan Tanah Wakaf Secara Penswastaan: Kajian Terhadap Projek Menara Imarah Wakaf oleh Majlis Agama Islam Wilayah', *Jurnal Syariah*, vol. 27/1 (2019): 45-76.
- Nur Azni Mohd Zeni & Noraini Mazuin Sapuan, 'Revitalizing Waqf Governance: A Theoretical Perspectives', *International Journal of Advanced Biotechnology and Research*, vol. 8/3 (2017): 305-311.
- Nurul Azma Abu Bakar, Muhammad Nasri Md. Hussain & Abu Bakar Hamed, 'Scrutinizing The Effects of Restructuring in Perbadanan Wakaf Selangor', *International Journal of Accounting*, vol. 2/4 (2017): 16.
- Rihad Grassa, 'Shariah Supervisory System in Islamic Financial Institutions: New Issues And Challenges: A Comparative Analysis Between Southeast Asia Models and GCC Models', *Humanomics*, vol. 29/4 (2013): 333-348.
- Rosidi Hussain (Ketua Pegawai Eksekutif, Wakaf Pulau Pinang), dalam temu bual dengan pengkaji, 9 Februari 2023.
- Rusni Hassan & Syed Ahmad Salman, 'Islamic Accountability and Waqf Towards Achieving Equitable Distribution of Wealth within The Islamic Economic Framework', *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, vol. 1 (2020): 1-11.
- Rusni Hassan & Adnan Yusoff, 'Enhancing Good Governance Practices of Waqf Institutions: Learning from Shariah Governance Framework of Islamic Financial Institutions', *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, vol. 3/2 (2020): 65-76.
- Rusni Hassan, Syed Musa Syed Jaafar Alhabshi & Adnan Yusoff, 'Towards Providing The Best Shar'ah Governance Practices for Waqf Based Institutions', *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, Special Issue (2017): 165-185.
- Saripah Abdul Latif, Nik Muniyati Nik Din & Zaiton Mustapha, 'The Role of Good Waqf Governance in Achieving Sustainable Development', *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, vol. 3/7 (2018): 113-118.

Siti Salwani Mustapa, Hairunnizam Wahid & Mohd Faisol Ibrahim, 'Kajian Terhadap Isu Pembelian Tanah Wakaf Menerusi Mekanisme Wakaf Tunai di Negeri Selangor', *Jurnal Syariah*, vol. 30/1 (2022): 1-33.

Syazwarina Mohd Razali (Eksekutif Penyelidikan dan Hasil, Perbadanan Wakaf Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Ogos 2022.

Zainal Abidin Jaffar, 'Pengurusan dan Pelaksanaan Wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)', *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, vol. 9/2 (2015): 141-151.

Zaini Nasohah, 'Undang-Undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia', *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, vol. 27/1 (2005): 29.

Statut

Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005.

Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005.

Enakmen Wakaf (Perak) 2015.

Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016.

Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001.